








**Sebarang pertanyaan sila hubungi:**

Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian
Aras 3, Wisma Tani, Jalan Sultan Salahuddin
50632 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2030 1432 / 1400 Faks: 03-2030 7164
Email: myskim.doa@gmail.com

JABATAN PERTANIAN

# MAHTAS

## SKIM PERAKUAN RAWATAN HABA MALAYSIA



# SKIM PERAKUAN RAWATAN HABA MALAYSIA (MAHTAS)

## APA ITU SKIM PERAKUAN RAWATAN HABA MALAYSIA?

Satu program yang ditawarkan oleh jabatan pertanian kepada syarikat-syarikat penyedia rawatan **haba** yang berminat untuk menjalankan kerja-kerja rawatan kuarantin ke atas kayu pembungkus *Wood Packaging Materials (WPM)* mengikut kehendak-kehendak piawaian antarabangsa (WTO dan ISPM 15)

## MENGAPA SKIM INI DIPERLUKAN

Bahagian biosekuriti tumbuhan sebagai NPPO (National Plant Protection Organisation) bertanggungjawab memastikan setiap dagangan pertanian yang di eksport memenuhi kehendak-kehendak kuarantin antarabangsa.

- Menyelaras sistem dan kaedah rawatan haba melalui satu standard yang sama;
- Memudahkan proses penghantaran dagangan eksport ke luar negara;
- Untuk memastikan setiap kerja-kerja rawatan haba dijalankan mengikut standard yang telah ditetapkan oleh jabatan pertanian;
- Untuk menilai keberkesanan rawatan haba yang dijalankan.

# RAWATAN HABA

## OBJEKTIF RAWATAN KUARANTIN

- Rawatan kuarantin ke atas sesuatu komiditi ialah proses memusnahkan perosak atau mengurangkan keupayaan perosak daripada membiak di dalam komiditi tersebut ;
- Proses pemanasan Wood Packaging Material menggunakan haba panas dengan cara tertentu dalam sesuatu jangka masa sehingga suhu teras kayu WPM mencapai suhu 56°C dan kekal selama 30 minit ;
- Kenapa 30 minit?? – terdapat kajian yg membuktikan tempoh tersebut berjaya membunuh serangga perosak di semua peringkat morfologi iaitu telur, larva/instar dan dewasa ;
- Kaedah alternatif kepada rawatan pewasapan;
- Salah satu dari rawatan Kuarantin yang diterima pakai dalam ISPM no 15 untuk merawat WPM ;
- Suhu dan tempoh pendedahan adalah faktor penting dalam menentukan keberkesanan rawatan haba ;
- Tidak memberi kesan kepada alam sekitar dan manusia.

## OBJEKTIF PENUBUHAN

- Mendaftarkan/mengakraditasikan syarikat-syarikat yang berkemampuan menjalankan rawatan haba di Malaysia ;
- Supaya kaedah rawatan haba yang dijalankan adalah diiktiraf di peringkat antarabangsa.

# PROSES-PROSES UNTUK MENYERTAI SKIM

## TANGGUNJAWAB SKIM

Bagi memastikan setiap rawatan haba yang dijalankan oleh pihak yang berkelayakan adalah berkesan serta sentiasa mengikut prosedur yang betul.

**PERMOHONAN**
- Borang permohonan
- Kelayakan permohonan
- Dokumen yang diperlukan

↓

**PENGAUDITAN**
- Syarat-syarat pengauditan
- Kelengkapan dan keperluan pengauditan

↓

**AKREADITASI**
- Kelulusan oleh Jawatankuasa Teknikal / Induk
- Jenis kelulusan

↓

**PENDAFTARAN / PEMBAHARUAN**
- Syarat-syarat pendaftaran / pembaharuan
- Tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam skim

## RUMUSAN

- Memastikan segala proses yang terlibat berjalan dengan lancar;
- Mewujudkan satu garis panduan atau rujukan dari segi teknikal;
- Memperkemaskan semula sistem yang sedia ada.